

**DUA MATI MAKAN IKAN BUNTAL**

# Penjual **dicam!**

Oleh Mohamad  
Fahd Rahmat

am@hmetro.com.my

HM 10/04/23 n/s 11

**Kluang**

**P**ejabat Kesihatan Daerah Kluang membuka kertas siasatan di bawah Akta Makanan 1983 berhubung kes kematian pasangan warga emas yang meninggal dunia selepas makan ikan buntal goreng.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, Ling Tian Soon berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ)

sudah menjalankan siasatan di lapangan termasuk mengenal pasti pembekal, pemborong dan penjual yang terbabit di dalam urusan niaga ikan beracun itu.

Katanya, JKNJ mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan Jabatan Perikanan dan beberapa universiti tempatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perikanan serta toksin atau racun untuk mendapatkan penyelesaian secara menyeluruh membatalkan isu berkenaan.

“Kerajaan Negeri Johor dan JKNJ mengambil mak-

lum akan satu lagi kematian daripada keracunan makanan ikan buntal di Kluang.

“Hari ini (kelmarin) sekitar jam 5.20 pagi, pesakit dikesan dalam keadaan tidak responsif ketika jururawat menguruskan pesakit lain di Hospital Enche’ Besar Hajjah Kalsom (HE-BHK)

“Bantuan kecemasan diberikan serta-merta dengan kehadiran pegawai perubatan selama 30 minit sebelum dia diisytiharkan meninggal dunia pada jam 6.20 pagi,” katanya dalam satu kenyataan.